

Pengajian Perniagaan (946)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 18 577. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 70.28%, iaitu meningkat sebanyak 2.83% berbanding dengan tahun 2009.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	3.90	4.24	8.82	10.28	14.93	14.86	13.25	4.86	3.46	4.26	17.11

RESPONS CALON

KERTAS 946/1

Komen am

Prestasi calon pada tahun ini secara amnya kurang memuaskan. Walaupun ada calon yang cemerlang dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan, namun lebih banyak calon yang gagal menjawab dengan baik. Kelemahan kebanyakan jawapan dalam peperiksaan pada tahun ini adalah jawapan diberikan secara umum berdasarkan pengetahuan am atau logik semata-mata. Tegasnya, jawapan kebanyakan calon tidak mencapai tahap keupayaan yang sepatutnya.

Teknik menjawab yang dipamerkan oleh calon juga nampaknya masih kurang. Keperluan atau kehendak soalan masih gagal dipenuhi oleh sebilangan calon dan masih banyak calon baik yang memberikan jawapan berbentuk umum dan logik tanpa menjelaskan fakta yang diperlukan. Sekalipun ini menunjukkan calon mempunyai sedikit pengetahuan, markah tidak dapat diberikan kerana jawapan calon tidak menepati keperluan pemarkahan untuk fakta. Istilah-istilah yang digunakan juga kurang tepat dan tidak mempermudah pembelajaran yang berkesan dalam kertas Pengajian Perniagaan. Ini menyebabkan calon kehilangan markah.

Seperti tahun 2009, calon pada tahun ini juga diuji melalui soalan-soalan aplikasi atau kes yang menuntut calon mengaplikasikan pengetahuan dan pemahaman dalam konteks atau senario yang diberikan. Bentuk soalan kes atau aplikasi ini sekali lagi menjadi tapisan antara calon yang benar-benar faham berbanding dengan calon yang hanya menghafal fakta.

Sekalipun banyak calon yang memilih untuk menjawab soalan aplikasi, kelemahan calon mengaitkan fakta kes dengan teori yang telah dipelajari menyebabkan banyak calon yang gagal mendapat markah yang tinggi. Seperti tahun sebelumnya, dua kemungkinan bagi keadaan ini berlaku ialah calon sememangnya tidak tahu akan teknik menjawab soalan bentuk kes atau calon sememangnya kurang memahami teori yang dipelajari lantas gagal mengaitkan teori dengan kes yang diperlukan oleh soalan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan terbahagi kepada 10 soalan esei pendek, iaitu soalan (a) hingga (j).

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud *untung*. Kebanyakan calon faham konsep untung tetapi gagal menjelaskannya dengan tepat, iaitu hasil ditolak dengan kos. Ada sebilangan besar calon yang menjelaskan hasil ditolak daripada jumlah modal. Ada pula yang menyatakan untung penting kepada peniaga sebagai ganjaran atau pulangan kepada usaha peniaga. Ada yang menjawab terdapat dua jenis untung, iaitu untung kasar dan untung bersih.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan dua kebaikan perkongsian. Calon faham akan konsep dua kebaikan perkongsian tetapi ada sebilangan calon yang tidak dapat menyatakan kebaikan perkongsian dengan lengkap. Jawapan yang diberikan oleh mereka terlalu umum, seperti dapat mengumpulkan modal yang banyak, mudah ditubuhkan, serta untung dan rugi ditanggung bersama. Jawapan yang lengkap adalah mengumpulkan modal yang lebih banyak untuk mengembangkan perniagaan, mudah ditubuhkan berbanding dengan syarikat, dan rugi ditanggung bersama.

Soalan (c) menghendaki calon menyatakan empat pendekatan pengurusan Jepun. Tiada calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat, iaitu pekerjaan seumur hidup, keputusan dibuat secara kumpulan, tanggungjawab secara bersama, kenaikan pangkat secara perlahan dan lain-lain. Mereka cenderung untuk menyatakan pendekatan pra klasikal, pendekatan klasikal, pendekatan gelagat, teori X, teori Y, teori Maslow, dan lain-lain sebagai jawapan. Terdapat sebilangan kecil calon yang langsung tidak menjawab soalan ini.

Soalan (d) menghendaki calon menjelaskan maksud *perancangan*. Sebilangan kecil calon dapat memberikan jawapan yang tepat, iaitu menentukan matlamat dan membentuk tindakan atau strategi yang diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut. Majoriti calon tidak mengetahui konsep asas perancangan. Tiada seorang pun calon yang memberikan contoh yang lengkap bagi soalan ini.

Soalan (e) menghendaki calon menyatakan empat elemen utama dalam huraihan kerja. Tiada calon yang dapat menyatakan empat elemen dalam huraihan kerja dengan lengkap, iaitu maklumat tentang identiti kerja, ringkasan kerja, senarai kerja atau skop kerja atau bidang tugas, dan tanggungjawab kerja. Ada yang menyatakan spesifikasi kerja dalam jawapan mereka. Ini menunjukkan pemahaman dan penguasaan mereka dalam pengajian perniagaan sangat lemah.

Soalan bahagian (f) menghendaki calon menyatakan empat sumber dana jangka pendek yang boleh digunakan oleh seseorang peruncit. Tiada calon yang dapat menyatakan empat sumber dana jangka pendek dengan lengkap. Jawapan yang diberikan oleh calon bagi soalan ini sekali lagi menonjolkan kelemahan mereka dalam mentafsirkan soalan dan menjawab mengikut kehendak soalan. Mereka mentafsirkan soalan ini sebagai empat sumber dana yang boleh digunakan oleh seorang peruncit. Jawapan yang diberikan oleh calon adalah pinjaman daripada keluarga, simpanan sendiri, pinjaman bank, pinjaman daripada saudara mara dan sebagainya. Padahal kehendak soalan ini ialah sumber dana jangka pendek, iaitu kredit dagangan, overdraf, pinjaman jangka pendek, surat kredit, pemfaktoran, dan nota janji.

Soalan (g) menghendaki calon menghuraikan tiga alat kawalan inventori. Ada sebilangan kecil calon dapat memberikan fakta yang tepat, iaitu analisis ABC, JIT dan EOQ. Walau bagaimanapun, majoriti calon tidak dapat memberikan huraian yang tepat. Ada yang mentafsirkan soalan ini sebagai alat kawalan, iaitu analisis pulangan modal, carta Gantt, pert, belanjawon, TQM, dan ISO.

Soalan (h) menghendaki calon menjelaskan maksud *prinsip doktrin punca terdekat*. Sebilangan kecil calon dapat menjelaskan maksud dengan tepat, iaitu ganti rugi akan dibayar kepada si diinsuranskan atas risiko yang diinsuranskan berserta dengan contoh yang lengkap. Calon tersebut gagal menjelaskan kerugian yang diakibatkan oleh punca yang tidak diinsuranskan tidak akan dibayar sebarang pampasan. Ada sebilangan kecil calon yang faham akan konsep tersebut dan dapat memberikan contoh yang lengkap tetapi tidak dapat menjelaskan maksud prinsip doktrin punca terdekat.

Soalan (i) menghendaki calon menghuraikan keperluan kemahiran manusia kepada pengurus peringkat pertengahan. Kebanyakan calon gagal memberikan jawapan yang tepat. Ada segelintir calon yang dapat menghuraikan keperluan kemanusiaan kepada pengurus peringkat pertengahan, iaitu memberikan arahan atau maklumat atau motivasi kepada pekerja bawahan dan juga untuk berhubungan dengan pihak pengurusan atasan. Namun demikian, mereka tidak menghuraikan keperluan kemahiran manusia, seperti berhubung dengan pihak luar organisasi. Tiada calon yang menyatakan fakta bahawa koordinasi kerja dengan bahagian lain dalam organisasi dapat dilakukan.

Soalan (j) menghendaki calon menerangkan tiga kaedah yang dilakukan oleh individu untuk mengurus ketegangan. Jawapan yang diberikan oleh calon menunjukkan mereka tidak tahu tentang teknik menjawab soalan ini. Mereka sepatutnya menerangkan tiga kaedah tersebut. Kebanyakan calon hanya menyenaraikan pelbagai teknik seperti kaunseling dan senaman. Walau bagaimanapun, calon tidak dapat menerangkannya dengan baik. Calon sepatutnya memberikan kaedah pengurusan ketegangan seperti "kaedah sokongan sosial" dan kemudian menghuraikan kaedah tersebut, iaitu "mendapatkan khidmat kaunseling atau berbual dengan rakan".

Soalan 2

Soalan (a)(i) menghendaki calon menjelaskan maksud pengiklanan dan kelebihannya dalam mempromosikan Kelab Warga Emas, Farmasi Utara. Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik kerana jawapan yang diberikan berbentuk umum. Jawapan calon kebanyakannya hanya menjelaskan kelebihan Kelab Warga Emas dengan menggunakan fakta kes, iaitu mengumpul mata ganjaran atau membeli barang dengan harga diskauan atau menyatakan kelebihan promosi kepada Farmasi Utara. Jawapan calon sepatutnya menyatakan kelebihan pengiklanan dalam mempromosikan kelab.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan maksud *publisiti* dan *perhubungan awam* serta kelebihannya dalam mempromosikan Kelab Warga Emas, Farmasi Utara. Majoriti calon gagal memberikan maksud untuk kedua-dua campuran promosi tersebut dan menjelaskan kelebihan publisiti dan perhubungan awam dalam mempromosikan kelab itu. Jawapan yang sepatutnya ialah *publisiti* merupakan komunikasi dalam bentuk cerita atau berita tentang produk atau perniagaan melalui media massa secara percuma atau tidak berbayar yang ditujukan kepada pihak-pihak tertentu melalui media massa bagi meningkatkan permintaan terhadap sesuatu produk. Sementara maksud *perhubungan awam* pula ialah aktiviti yang dibentuk bagi mewujudkan serta mengekalkan hubungan baik antara perniagaan dengan pihak awam.

Soalan (a)(iii) menghendaki calon menerangkan tiga ciri pendekatan pemasaran moden berdasarkan fakta kes 2(a). Majoriti calon gagal menghuraikan maksud pendekatan pemasaran moden. Jadi, kaitan teori dengan kes kebanyakannya tidak dapat diterima. Ada yang menerangkan pemasaran moden sebagai campuran pasaran, ada yang mengulas kelebihan Kelab Warga Emas, dan ada juga yang langsung tidak menjawab soalan ini.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan empat kepentingan penilaian prestasi kepada organisasi. Calon juga gagal memberikan jawapan yang tepat untuk soalan tersebut. Majoriti calon memberikan jawapan sebagai kepentingan pengawalan, memantau prestasi organisasi, sebagai kayu pengukur organisasi, dan lain-lain. Jawapan yang sepatutnya ialah memberikan maklum balas kepada pekerja berhubung dengan prestasi mereka untuk memastikan prestasi pekerja selaras dengan matlamat organisasi, menyediakan langkah atau bentuk program latihan berdasarkan hasil penilaian prestasi, mengenal pasti perbezaan tahap prestasi setiap pekerja untuk menentukan ganjaran kepada pekerja, dan sebagainya.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan empat peranan sektor awam dalam perkembangan ekonomi negara. Majoriti calon yang memilih soalan ini tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat. Ada sebilangan calon yang berjaya menjawab bahawa peranan sektor awam adalah mewujudkan peluang pekerjaan, menyediakan kemudahan infrastruktur, penguatkuasaan undang-undang, dan sebagai kawalan. Walau bagaimanapun mereka gagal memberikan huraian yang tepat. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan contoh yang bersesuaian.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan faktor yang mendorong peniaga mengubah entiti perniagaan daripada bentuk perkongsian kepada syarikat sendirian berhad. Majoriti calon tidak dapat menghuraikan kelemahan perniagaan perkongsian berbanding dengan kelebihan perniagaan syarikat sendirian berhad. Ada sebilangan calon yang tersalah konsep dengan mentafsirkan syarikat sendirian berhad sebagai entiti perniagaan milikan tunggal. Ada sebilangan calon menerangkan kelebihan syarikat sahaja.

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan dua langkah pertama untuk kawalan dalam sesuatu proses pengeluaran. Tidak banyak calon yang memilih soalan ini. Majoriti calon yang menjawab soalan ini gagal memberikan jawapan yang tepat. Ada yang memberikan jenis kawalan, iaitu kawalan dalaman dan kawalan luaran sebagai jawapan. Ada yang menerangkannya secara umum. Jawapan yang sepatutnya ialah menetapkan piawai sebagai tanda aras untuk mengukur prestasi sama ada prestasi sesuatu pengeluaran itu menyimpang atau menepati piawai, dan pengukuran pencapaian perbandingan perlu dilakukan untuk menentukan sama ada wujud perbezaan antara apa yang sepatutnya berlaku dengan apa yang sebenarnya berlaku.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan peranan pengurus sebagai komunikator. Sebilangan kecil calon dapat memberikan peranan sebagai komunikator dengan tepat, iaitu pemantau, penyampai, dan jurucakap. Namun begitu, mereka gagal memberikan huraian dengan tepat. Sebahagian besar calon gagal menjawab soalan tersebut dengan tepat.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan empat kepentingan pengawalan bagi sebuah kilang roti. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini gagal memberikan jawapan yang tepat bagi aplikasi aktiviti pengawalan dalam konteks kilang roti. Jawapan yang sepatutnya ialah memastikan pelaksanaan, perubahan persekitaran, mengesan kesilapan dalam pengeluaran dan tindakan pembetulan, berserta dengan huraianya.

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan lima gaya kepemimpinan yang diketengahkan oleh Blake dan Mouton dengan menggunakan gambar rajah. Kebanyakan calon gagal melakar rajah grid kepemimpinan Blake & Mouton. Calon juga tidak dapat menghuraikan gaya-gaya kepemimpinan

yang relevan dan memberikan jawapan yang tepat, iaitu gaya kepemimpinan laissez-faire (1,1), sokongan (1,9), pengurusan sederhana (5,5), autokratik (9,1), dan demokratik (9,9).

Soalan (b) menghendaki calon melakar carta organisasi MBI (M) Bhd. dan menyatakan lima sebab kesesuaian struktur penjabatan tersebut. Majoriti calon gagal melakar carta baharu struktur organisasi MBI (M) Bhd. dengan tepat. Kebanyakan calon mendapat markah kerana menyatakan jawatan Pengarah Urusan dan tajuk bagi lakaran sahaja dan bukannya jawapan yang memperkenan kefahaman dan aplikasi pengetahuan.

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan tiga tujuan syarikat perniagaan melaksanakan pelaburan modal. Tidak banyak calon yang menjawab soalan ini. Majoriti calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawab dengan tepat. Antara tiga tujuan pelaburan modal termasuklah membeli mesin, menggantikan peralatan rosak, menggantikan peralatan lama kepada peralatan yang lebih canggih, mematuhi dasar kerajaan, dan memenuhi tanggungjawab sosial.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan tiga penyata yang terkandung dalam penyata kewangan. Kebanyakan calon dapat menyatakan sekurang-kurangnya satu daripada penyata kewangan, iaitu penyata untung rugi, penyata aliran dana, dan kunci kira-kira. Walau bagaimanapun, majoriti calon gagal mendapat markah penuh kerana huraiyan yang diberikan kurang tepat.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan kegunaan penyata kewangan kepada pihak yang berkepentingan. Sebilangan kecil calon yang menjawab soalan ini gagal menyatakan "kegunaan" penyata kepada setiap pihak yang berkepentingan. Jawapan yang sepatutnya ialah penyata kewangan digunakan oleh pengurus syarikat untuk penilaian prestasi pelaksanaan tugas, asas perbandingan sistem kawalan syarikat, penilaian semula program, dan membuat perancangan masa hadapan.

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan empat faktor kejayaan seimbang. Majoriti calon dapat memberikan fakta, huraiyan dan contoh yang tepat dan lengkap, iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Namun begitu, terdapat juga segelintir calon yang memberikan jawapan sifat tabii orang berjaya.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menerangkan hubungan ketegangan berdasarkan kes Encik Azhar dan Encik Badri. Jawapan calon menunjukkan bahawa calon tidak mempunyai kemahiran menjawab soalan aplikasi dan kajian kes. Kebanyakan calon tidak tahu bahawa hubungan tahap ketegangan berkaitan dengan tahap prestasi. Hanya sebilangan kecil calon sahaja yang memberikan jawapan tentang perkaitan antara hubungan tahap ketegangan dengan tahap prestasi Encik Azhar dan Encik Badri.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon mengenal pasti dua punca ketegangan dan dua tanda ketegangan yang dialami oleh Encik Azhar dan Encik Badri. Kebanyakan calon tidak memberikan jawapan yang tepat kerana mereka memberikan jawapan secara umum untuk kedua-dua orang tersebut. Jawapan yang sepatutnya ialah calon perlu mengenal pasti dua punca dan dua tanda ketegangan untuk Encik Azhar dan dua punca dan dua tanda ketegangan untuk Encik Badri.

Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan kepentingan kemahiran teknikal bagi seorang penyelia operasi kilang. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Ada juga calon yang tersalah konsep dengan menyatakan tugas penyelia ialah membaik pulih mesin yang rosak dengan

segera. Jawapan yang sepatutnya ialah kemahiran teknikal merupakan kebolehan mengaplikasikan kaedah atau prosedur teknik pengeluaran, manakala kepentingannya pula adalah memberikan tunjuk ajar kepada para pekerja untuk menggunakan peralatan atau mesin dengan cara yang betul.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan bagaimana kemahiran pengurusan masa dapat membantu operasi sesebuah organisasi. Majoriti calon memberikan jawapan umum dan berulang-ulang, seperti menghuraikan pengurusan masa sebagai “ketepatan masa” atau “menyempurnakan tugas mengikut jadual”. Jawapan yang sepatutnya ialah menyusun tugas-tugas mengikut keutamaan, membuat penjadualan kerja, menggunakan masa secara optimum, ketepatan masa, dan perancangan masa depan.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan masalah yang dihadapi oleh Syarikat Jaya Sdn. Bhd. dengan menggunakan gambar rajah analisis Tulang Ikan. Kebanyakan calon dapat memberikan lakaran umum, namun kualiti lakaran bagi sebilangan calon masih lemah dan perlu dibaiki. Majoriti calon juga gagal memberikan penerangan yang tepat bagi aplikasi teori gambar rajah Tulang Ikan dengan fakta kes. Hanya beberapa calon sahaja yang mampu menjelaskan masalah yang dihadapi oleh Syarikat Jaya Sdn. Bhd. dengan menyatakan punca kecil untuk manusia, mesin, dan bahan, serta memberikan punca sebenar yang dihadapi oleh syarikat tersebut.

KERTAS 946/2

Komen am

Secara keseluruhannya, majoriti calon tidak dapat menguasai keseluruhan topik yang telah diajarkan. Ini dapat dilihat melalui jurang markah yang ketara antara setiap soalan. Ada calon yang mendapat markah yang tinggi bagi satu soalan manakala soalan lain pula mendapat markah yang rendah.

Dari segi perancangan, terdapat calon yang tidak membuat persiapan yang rapi kerana jawapan yang ditulis tidak mempunyai fakta. Calon juga cenderung untuk memberikan fakta yang berulang-ulang dan kadang kala fakta tersebut tidak relevan dengan kehendak soalan. Contoh yang diberikan kurang sesuai atau tiada kaitan langsung dengan kehendak soalan.

Bagi soalan berbentuk analisis daripada kes yang diberikan, masih terdapat calon yang gagal mengaitkan fakta dan huraian dengan kes yang diberikan. Namun begitu secara keseluruhannya, jawapan calon menunjukkan peningkatan dalam penguasaan teknik menjawab soalan dengan betul. Walau bagaimanapun, masih ada kelemahan dari segi menulis huraian. Banyak calon yang kehilangan markah huraian kerana mereka hanya menulis ulangan fakta dalam huraian dan tidak menjelaskan fakta tersebut dengan lebih lanjut.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan terbahagi kepada 10 soalan esei pendek, iaitu soalan (a) hingga (j).

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan tiga karya yang mendapat perlindungan di bawah Akta Hak Cipta 1987. Calon sepatutnya memberikan jawapan, seperti karya sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi, dan siaran. Banyak calon yang memberikan jawapan yang betul tetapi terdapat juga calon yang memberikan contoh karya yang lebih spesifik seperti karya muzik ditulis sebagai karya lagu, sastera ditulis sebagai penulisan, buku, dan sebagainya. Karya seni pula ditulis sebagai lukisan. Banyak calon yang telah kehilangan markah di situ.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan tiga elemen yang membolehkan sesuatu perjanjian dikuatkuasakan mengikut Akta Kontrak 1950. Jawapan yang sepatutnya ialah tawaran, penerimaan, balasan, niat, keupayaan, dan ketentuan. Namun banyak yang kehilangan markah kerana memberikan jawapan yang berkisar kepada elemen penerimaan semata-mata. Calon dapat memberikan jawapan yang tepat tetapi mereka banyak membuang masa apabila mereka menghuraikan setiap elemen tersebut sedangkan tugasan soalan mengkehendaki calon menyatakan tiga elemen itu sahaja. Terdapat juga calon yang keliru dengan memberikan jawapan tentang perjanjian terbatal atau ketaksahan perjanjian.

Soalan (c) menghendaki calon menyatakan dua peranan usahawan kepada masyarakat. Jawapan yang sepatutnya ialah menawarkan peluang pekerjaan, menggunakan bahan mentah tempatan, meningkatkan taraf hidup masyarakat, menjadi sumber inspirasi, dan sebagainya. Banyak calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat dan padat. Namun begitu, masih terdapat calon yang membuang masa memberikan huraian walaupun soalan berbentuk nyatakan. Ada juga calon yang memberikan jawapan menyediakan kemudahan awam sedangkan peranan ini bukan peranan usahawan sebaliknya peranan kerajaan. Mungkin calon tersilap dengan peranan menjalankan tanggungjawab sosial.

Soalan (d) menghendaki calon menyatakan tiga peranan Jabatan Pembangunan Koperasi. Jawapan yang sepatutnya ialah mendaftarkan penubuhan, membatalkan pendaftaran, menasihati menteri, memberikan khidmat nasihat, dan sebagainya. Banyak calon yang memberikan jawapan yang betul.

Soalan (e) menghendaki calon menyatakan dua matlamat penubuhan kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA). Jawapan sepatutnya ialah mengurangkan tarif atau kuota dalam kalangan negara anggota dan menggalakkan perdagangan bebas antara negara anggota. Namun begitu, jawapan calon menjadi kurang tepat kerana calon mengabaikan elemen dalam kalangan negara anggota dalam setiap jawapan mereka.

Soalan (f) menghendaki calon menjelaskan konsep lokalisasi dalam perniagaan antarabangsa. Jawapan yang sepatutnya ialah mengubah produk atau keuntungan atau pengeluaran atau pengurusan subsidiari atau syarikat asing kepada organisasi tempatan bersesuaian dengan ciri-ciri tempatan. Terdapat juga calon yang tidak memahami maksud lokalisasi. Mereka memberikan maksud lokalisasi sebagai lokasi. Oleh itu, jawapan mereka berkisar tentang kesesuaian tempat untuk membuka cawangan.

Soalan (g) menghendaki calon menerangkan tiga bentuk hubungan antara manusia dengan alam berdasarkan pendekatan Timur. Jawapan yang sepatutnya ialah manusia ditugaskan untuk mentadbirkan alam sekitar, bertanggungjawab atas pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, dan kehidupan berharmoni dengan alam. Banyak calon yang dapat memberikan jawapan yang betul.

Soalan (h) menghendaki calon menyatakan dua punca berlakunya jenayah kolar putih. Jawapan yang sepatutnya ialah kurang kawalan dalam pengurusan, amalan nepotisme, dan perasaan tamak. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang betul.

Soalan (i) menghendaki calon menyatakan tiga faktor yang dipertimbangkan semasa memilih media komunikasi. Jawapan yang sepatutnya ialah jarak, mesej, kos, sasaran audiens, status mesej, kesegeraan, tujuan komunikasi, dan keperluan maklum balas. Bagi soalan ini, banyak calon yang memberikan jawapan umum, seperti keberkesanan media tetapi tidak menyatakannya secara khusus.

Soalan (j) menghendaki calon menjelaskan dua kesan apabila seseorang tidak memahami istilah yang digunakan dalam perundingan. Jawapan yang sepatutnya ialah berlaku salah faham semasa perundingan, perundingan menemui kegagalan, tiada kesepakatan yang dicapai, mesej yang disampaikan tidak difahami, dan perundingan mengambil tempoh yang lama. Jawapan yang banyak diberikan oleh calon ialah perundingan menemui kegagalan dan wujud salah faham.

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan maksud *usahawan, peniaga, dan pengurus*. Jawapan yang sepatutnya ialah usahawan merupakan mereka yang menciptakan sesuatu yang baru dan melakukan pengubahsuaian, peniaga ialah orang yang melakukan aktiviti jual beli dan mengaut keuntungan, manakala pengurus ialah orang yang melaksanakan fungsi pengurusan dan menerima ganjaran gaji. Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang tepat bagi konsep peniaga dan usahawan, namun banyak yang kehilangan markah bagi konsep pengurus kerana mereka hanya menulis pengurus sebagai orang yang menerima arahan daripada pihak atasan serta mahukan kenaikan gaji. Banyak calon yang seolah-olah tidak tahu bahawa seorang pengurus perlu melaksanakan fungsi pengurusan itu.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menerangkan empat perkara yang perlu dipertimbangkan oleh Encik Redzuan sebelum beliau memulakan perniagaan restorannya. Jawapan yang sepatutnya ialah menyediakan Rancangan Perniagaan, berunding dengan pakar, memilih bentuk milikan, mendapatkan sumber kewangan, menentukan lokasi perniagaan, mengambil pekerja, menggunakan campuran pemasaran, mengenal pasti pelanggan dan pesaing, dan lain-lain. Banyak calon yang dapat menjawab soalan ini dengan betul. Namun begitu, terdapat juga beberapa calon yang memberikan fakta sah di sisi undang-undang. Sepatutnya jawapan yang betul ialah politik dan undang-undang. Begitu juga dengan sumber kewangan, banyak calon yang kehilangan markah apabila menulis pinjaman kewangan sebagai fakta. Pinjaman kewangan hanyalah sebahagian daripada huraian bagi sumber kewangan selain simpanan peribadi.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menjelaskan empat ciri usahawan berjaya yang perlu dimiliki oleh Encik Redzuan. Banyak calon yang memberikan jawapan yang betul bagi bahagian ini. Namun begitu terdapat beberapa calon yang memberikan jawapan yang tidak tepat seperti berpengetahuan, berpengalaman, dan bersinergi. Selain itu terdapat juga calon yang keliru antara ciri dengan peranan usahawan.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan hak Encik Zakaria berdasarkan Akta Sewa Beli 1967. Kebanyakan calon gagal mendapat markah bagi soalan itu kerana mereka tidak menulis kata kunci jawapan bagi soalan ini, iaitu 21 hari. Jawapan yang sepatutnya ialah dalam masa 21 hari selepas menerima notis, Encik Zakaria boleh memperkenalkan pihak ketiga kepada pemilik dan sebagainya. Hanya segelintir calon yang dapat menjawab soalan ini dengan betul.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan tiga cara pembubaran perkongsian. Banyak calon yang menulis jawapan kematian atau muflis. Terdapat beberapa calon yang memberikan huraian yang betul tetapi tidak mengemukakan faktanya. Contohnya, tamat tempoh usaha atau pekerjaan tertentu. Fakta yang tidak ditulis ialah pembubaran secara tersendiri. Calon juga cenderung untuk mengulangi fakta pembubaran akibat kematian atau kemuflisan. Calon kehilangan markah kerana faktanya diulang.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan tiga tugas pengarah berdasarkan Akta Syarikat 1965. Banyak calon yang tidak dapat memberikan jawapan yang betul. Mereka tidak dapat memberikan fakta yang betul, iaitu tugas statutori, tugas fidusiari, dan tugas berskil, berhati-hati, dan berusaha sewajarnya. Calon memberikan jawapan yang hanya menjurus kepada tugas-tugas pengurusan seorang pengarah. Topik ini bukanlah topik yang popular dalam kalangan calon, namun ada calon yang cuba menjawabnya kerana mahu mencuba soalan yang berkaitan dengan internet yang terdapat pada soalan berikutnya.

Soalan (d) menghendaki calon menjelaskan tiga kepentingan penggunaan internet dalam perniagaan. Banyak calon memberikan jawapan, memudahkan pemasaran dan jualan. Jawapan lain, seperti mengurangkan kos komunikasi, memudahkan penyelarasian maklumat, dan mempercepat pengagihan maklumat, jarang ditulis oleh calon.

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan dua pendekatan keusahawanan. Banyak calon yang dapat memberikan jawapan yang betul, iaitu bidang ekonomi, psikologi, dan sosiologi.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat jenis kemudahan yang boleh diperoleh oleh usahawan dan pihak yang terlibat dalam memberikan kemudahan tersebut. Soalan ini meminta dua perkara, iaitu jenis kemudahan dan pihak yang terlibat. Terdapat calon yang salah menulis nama agensi, contohnya Kementerian Pembangunan Usahawan ditukar menjadi Jabatan Pembangunan Usahawan. Bagi jawapan Program Pembangunan Usahawan pula, terdapat calon yang menghuraikan program ini tetapi tidak menyatakan agensinya. Terdapat juga calon yang mengulangi fakta seperti prasarana dan menulis tapak kilang sebagai fakta yang lain. Calon kehilangan markah kerana fakta tersebut berulang.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan rancangan perniagaan dari aspek produk, sasaran pasaran, dan persaingan. Banyak calon yang kehilangan markah kerana menerangkan aspek-aspek ini secara umum. Contohnya, bagi aspek produk, calon hanya menyatakan bahawa usahawan perlu mencipta produk dengan tidak menyatakan secara terperinci apa yang patut ada pada produk tersebut, seperti harga, jenama, paten, saiz, dan lain-lain. Bagi persaingan pula, calon hanya memerihalkannya secara umum tentang apakah persaingan. Sepatutnya, calon menulis ciri-ciri persaingan, seperti siapa pesaing, kelemahan dan kekuatannya, tahap persaingan sedia ada, dan lain-lain. Calon seolah-olah terkeliru kerana mereka memberikan kepentingan atau kegunaan Rancangan Perniagaan (RP). Walhal sepatutnya, calon menyatakan butiran terperinci apa yang perlu ada pada bahagian itu di dalam Rancangan Perniagaan (RP).

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan tiga aktiviti yang boleh dijalankan oleh koperasi pembangunan tanah. Banyak calon yang menulis jawapan yang betul, iaitu membina tanah terbiar dan pendidikan tentang projek pembangunan tanah. Namun demikian banyak calon yang kehilangan markah kerana mereka menulis tentang penyediaan peralatan atau kelengkapan kepada ahli sebagai jawapan. Sepatutnya, mereka perlu menyatakan penyediaan peralatan dan kelengkapan kepada ahli dengan harga yang berpatutan sebagai jawapan. Banyak juga calon yang kehilangan markah kerana memberikan jawapan sebagai membina tanah untuk membuat pembangunan atau perumahan. Calon mungkin terkeliru dengan aktiviti koperasi perumahan.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan empat prinsip koperasi. Banyak calon yang kehilangan markah kerana memberikan prinsip yang salah dan tidak lagi relevan (mungkin dari sumber teks yang salah atau tidak dikemaskinikan), seperti pulangan modal yang terhad dan juga keuntungan yang diagih sama rata atau pembahagian lebihan yang saksama.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan proses penubuhan koperasi. Majoriti calon mendapat markah penuh bagi bahagian ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon kehilangan markah apabila calon tidak memberikan satu fakta penting, iaitu “setelah mendapat kelulusan”, sebelum ayat “penubuhan jawatan kuasa penaja sebanyak 10 orang itu dan bertanggungjawab menjalankan tugas awalan”.

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan lima cabaran yang dihadapi oleh firma batik tempatan yang merancang untuk beroperasi di luar negara. Tidak banyak calon yang menjawab soalan ini. Calon yang menjawabnya pula tidak dapat memberikan jawapan yang betul dan tepat. Contohnya bagi fakta perubahan kadar pertukaran asing, calon hanya memberikan pertukaran wang asing sebagai jawapan. Terdapat juga calon yang gagal mengaitkan lima cabaran dengan firma batik tempatan.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan lima peranan MATRADE. Terdapat calon yang kehilangan markah kerana memberikan jawapan “mengadakan program latihan untuk meningkatkan kemahiran membuat batik”. Sepatutnya, jawapan yang betul ialah mengadakan latihan untuk meningkatkan kemahiran pemasaran. Calon hanya menumpukan jawapan kepada aktiviti promosi dan memberikan maklumat secara umum sahaja.

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan lima kesan negatif pengabaian tanggungjawab sosial peniaga terhadap alam sekeliling. Majoriti calon yang menjawab soalan ini memberikan jawapan dari sudut pencemaran sahaja. Calon hanya mengulang kesan pencemaran sebanyak lima kali dengan mengaitkan fakta dengan pelbagai pencemaran, seperti pencemaran air, udara dan sebagainya. Terdapat juga calon yang memberikan hak-hak pengguna sebagai fakta dan bukan kesan-kesan yang sepatutnya seperti bencana alam, keselamatan terancam, dan kesihatan tergugat. Jawapan berulang yang lain ialah bencana alam yang melibatkan hakisan dan banjir kilat.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan lima peranan badan, seperti KPDNHEP, Persatuan Pengguna, dan Better Business Bureau. Antara kesalahan yang dilakukan oleh calon termasuklah memberikan peranan Persatuan Pengguna, iaitu untuk memastikan pengguna membeli barang dengan harga yang berpatutan. Terdapat calon yang hanya memberikan jawapan, iaitu mewakili pengguna sahaja, sepatutnya mewakili pengguna dalam menyatakan ketidakpuashatian terhadap sesuatu perkara berkaitan dengan kepenggunaan.

Soalan 8

Soalan (a)(i) menghendaki calon menerangkan bentuk komunikasi yang digunakan dalam mesyuarat yang dikemukakan dalam soalan. Ada calon yang menulis ketiga-tiga bentuk komunikasi. Sepatutnya, hanya komunikasi menegak dan komunikasi dua hala sahaja yang diterima sebagai jawapan. Terdapat juga calon yang tidak dapat memberikan huraihan dan contoh yang tepat.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan proses komunikasi yang berlaku dalam mesyuarat tersebut. Majoriti calon dapat menjawab soalan itu dengan betul. Namun begitu, terdapat calon yang gagal mengaitkan setiap langkah dalam proses komunikasi tersebut.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tiga halangan komunikasi dalam organisasi perniagaan, iaitu halangan fizikal, halangan psikologikal, halangan sosiologikal, dan halangan semantik. Kebanyakan calon kehilangan markah kerana mereka memberikan halangan semantik sebagai halangan dari segi bahasa. Sepatutnya, halangan semantik ialah halangan penggunaan perkataan yang mempunyai banyak makna. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang tertumpu kepada halangan dalam aspek kemahiran pengurusan pada seseorang pengurus.